



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

JERAYAWARA KASIH KPWKM@ADOVAKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL USAHA KEMENTERIAN DIDIK MASYARAKAT

PULAU PINANG, 6 JULAI – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengadakan Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual di Dewan Milenium, Kepala Batas Pulau Pinang. Jerayawara ini buat julung kalinya diadakan di Pulau Pinang dan akan dilaksanakan ke seluruh negara pada tahun ini.

Objektif program jerayawara ini adalah untuk memberikan pendedahan, pengetahuan serta menyebarkan pemakaian garis panduan dan notis antigangguan seksual kepada masyarakat. Di samping itu, program ini juga bertujuan untuk menyampaikan maklumat berkenaan bantuan dan perkhidmatan psikososial KPWKM dalam menangani gangguan seksual kepada masyarakat mengenai gangguan seksual.

Pelbagai program menarik dan bermanfaat berkaitan Advokasi Antigangguan Seksual telah disusun sepanjang program jerayawara ini oleh agensi-agensi di bawah KPWKM. Antaranya adalah Ceramah Kasih Keibubapaan 'Sayangi Keluarga Kita, sesi *Pocket Talk*, Saringan Kanser Wanita, Pusat Sokongan Sosial 'Ceria Minda', Sesi Motivasi oleh Sukarelawan Kaunselor Berdaftar, Sesi Libat Urus Bersama Penguasa Taska dan kemuncak aktiviti adalah *Fun Walk* Katakan Tidak Kepada Gangguan Seksual sebagai simbolik kepada jerayawara AGS yang telah berlangsung.

KPWKM menyeru semua pihak sama ada agensi kerajaan, pihak swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan institusi-institusi pendidikan untuk memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menangani isu gangguan seksual ini demi mewujudkan sebuah persekitaran selamat selaras dengan rukun Kesejahteraan yang merupakan salah satu tonggak yang terkandung dalam Malaysia MADANI.

Hadir pada majlis ini ialah YB Dato' Seri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Hajah Aiman Athirah binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Puan Chong Eng, Exco Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam, Pulau Pinang, dan YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
6 JULAI 2023**